

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI RABU, 7 DISEMBER 2011, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 16**

---

**MENGANGKAT SUMPAAH**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1243-L13532  
**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan secara terperinci perancangan Kementerian untuk memastikan dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkasakan Bahasa Inggeris (MBMMBI) mencapai kejayaan.
  
2. PN-1243-L13408  
**Dato' Dr. Yeow Chai Thiam** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan pihak manakah yang bertanggungjawab untuk memastikan bahawa barangan jualan "Kedai Rakyat 1Malaysia" sentiasa selamat, berkualiti dan harganya sememangnya memberi faedah kepada pengguna.
  
3. PN-1243-L13059  
**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-
  - (a) adakah Suruhanjaya Pilihan Raya telah melakukan apa-apa pembaharuan atau transformasi terhadap sistem Pilihan Raya yang ada sekarang. Sekiranya ada sila nyatakan; dan
  
  - (b) adakah Suruhanjaya Pilihan Raya telah melakukan sebarang persempadanan baru untuk kawasan Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN) memandangkan terdapat negeri-negeri yang sudah terlalu lama tidak dilakukan persepadanan kawasan pilihan raya.

4. PN-1243-L13092  
**Puan Hajah Noriah binti Mahat** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk mengadakan transformasi dari segi kaedah pembelajaran yang lebih mesra kanak-kanak dan bukan lebih berorientasikan peperiksaan agar kita dapat melahirkan anak-anak yang lebih kreatif dan berinovasi selaras dengan matlamat negara maju berpendapatan tinggi.
5. PN-1243-L13618  
**Dr. Syed Husin Ali** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa boleh wujud 40 ribu kad pengenalan yang meragukan dalam daftar pengundi SPR, nyatakan apa yang sedang dilakukan untuk memastikan daftar pengundi bersih daripada sebarang cacat cela.
6. PN-1243-L13856  
**Datuk Paul Kong Sing Chu** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk menghentikan kemasukan pelajar luar negara terutamanya dari negara-negara Afrika yang bukan bertujuan untuk belajar tetapi melakukan berbagai jenayah di mana sebahagiannya jenayah berat seperti pengedar dadah, penipu, jenayah seks dan sebagainya. Bagaimana pula pengedar dadah dari Iran yang menyamar sebagai pelancong.
7. PN-1243-L13317  
**Tuan Ng Fook Heng** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah benar bahawa kaum wanita di Malaysia adalah ke-16 tertekan di dunia. Apakah sebabnya dan langkah-langkah yang seharusnya dilakukan oleh Kementerian untuk menolong golongan ini. Siapakah golongan wanita ini.
8. PN-1243-L13160  
**Tuan Haji Ahamat@Ahamad bin Yusop** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan yakin dengan Rangka Kerja Kolaborasi Komprehensif (CCF) antara Penerbangan Malaysia (MAS), AirAsia Bhd. (AirAsia) dan AirAsia X mampu memperbaiki prestasi MAS serta mewujudkan persaingan sihat dalam industri penerbangan tempatan.
9. PN-1243-L13384  
**Datuk Chin Su Phin** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk mengkaji semula yuran pelajar separuh masa di institusi pengajian tinggi awam kerana yuran bagi mereka yang belajar separuh masa adalah dua kali ganda dari yuran pelajar sepenuh masa dan apakah objektif universiti mengenakan yuran yang membebankan ini sedangkan objektif terutama universiti awam bukan untuk mencari keuntungan.

10. PN-1243-L13456  
**Dato' Muhammad Olian b Abdullah** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam memastikan pelaburan FDI yang berkualiti dapat terus mengalir khususnya bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan memandangkan kedudukan ekonomi ASEAN yang tidak menentu.
11. PN-1243-L13574  
**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa ramai orang telah memohon pinjaman daripada Skim 'My First House Scheme' yang telah dilancarkan pada tahun lepas dan peratusan yang telah bermanfaat darinya. Apakah syarat-syarat kelayakan pinjaman ini dan sama ada syarat ini diikuti oleh institusi kewangan atau ada syarat tambahan dikenakan.
12. PN-1243-L13145  
**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-
  - (a) keberkesanan kempen menderma darah pada masa ini dan bagaimanakah Kerajaan mengatasi masalah kekurangan bekalan darah di hospital-hospital; dan
  - (b) tahap kesedaran orang ramai tentang "Kerintangan Ubat-ubatan Anti Mikrob" atau "*Antimicrobial Resistace*".
13. PN-1243-L13748  
**Datuk Chiw Tiang Chai** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah booth dan kaunter Touch n Go yang telah diwujudkan di seluruh negara dan nyatakan langkah bagi memudahkan pemegang kad Touch n Go untuk menambahkan nilai dan mendapatkan rebat.
14. PN-1243-L13835  
**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan bilangan tapak-tapak warisan di seluruh negara yang dipelihara oleh Kerajaan dan mengapa tapak-tapak ini tidak diurus dengan baik termasuk yang di Negeri Sembilan, setelah Jabatan Warisan Negara ditubuhkan melalui Akta Warisan Negara 2005.
15. PN-1243-L13697  
**Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang telah disediakan bagi projek naik taraf parit dan saliran untuk mengelakkan banjir di negeri Pulau Pinang bagi tahun 2010 dan nyatakan apakah punca yang menyebabkan kelewatan bagi menyelesaikan projek-projek ini.

16. PN-1243-L13809  
**Tuan Lee Cheam Choon** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan mengapa selepas usaha perit pelaksanaan sistem pendaftaran pengguna-pengguna telefon bimbit pra-bayar di seluruh negara telah dilaksanakan, pengirim sms ugutan maut masih tidak dapat dikenal pasti. Adakah Kementerian akan melaksanakan sekali lagi pendaftaran pengguna telefon bimbit pra-bayar supaya kejadian yang tidak diingini seperti ini tidak berulang.
17. PN-1243-L13044  
**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan program jangka panjang dan jangka pendek dari segi pengembangan dan rangsangan intelektual, fizikal, psikologi dan spiritual yang dibuat bagi golongan awal remaja dan remaja dalam "*blue print*" kebangsaan untuk menghadapi "*youthquake*" di negara kita agar kebangkitan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya.
18. PN-1243-L13484  
**Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan semua kontrak-kontrak yang dianugerahkan di bawah Kementerian sejak tahun 2008 sehingga sekarang, serta maklumat lengkap mengenai kontrak-kontrak tersebut termasuk jumlah kontrak, syarikat yang menerima kontrak, kerja yang dilaksanakan serta status pelaksanaan kontrak.
19. PN-1243-L13497  
**Puan Chew Lee Giok** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan siapakah yang perlu bertanggungjawab terhadap kesilapan dan kesalahan yang telah disenaraikan di dalam Laporan Ketua Audit Negara 2010. Apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh JPA terhadap pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat di dalam perkara ini.
20. PN-1243-L13290  
**Dr. Malasingam a/l Muthukumar** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah kutipan daripada cabutan khas bagi Magnum, Toto dan kuda bagi sepanjang tahun ini dan nyatakan berapa peratus daripada jumlah pendapatan ini disalurkan bagi pembangunan masyarakat kaum bukan Islam.
21. PN-1243-L13426  
**Datuk Hajah Fatimah binti Hamat** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan hotel berdaftar dengan Kementerian Perlancongan yang sudah mempunyai Sijil Halal dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) serta nyatakan faktor-faktor pengusaha hotel ini tidak mendapat sijil halal ini.

22. PN-1243-L13878  
**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan:-
- (a) sudahkah dasar yang diumumkan oleh Perdana Menteri supaya 30% wanita terlibat dalam kedudukan/jawatan pembuat keputusan atau dasar dalam sektor korporat ini dicapai, jika tidak apakah usaha yang sedang dilakukan oleh Kementerian atau badan Kerajaan yang lain bagi menentukan dasar ini terlaksana; dan
  - (b) siapakah atau adakah satu badan yang memantau supaya dasar ini dipatuhi. Walaupun ia bukan mandatori apakah bentuk denda/penalti nya sekira didapati mana-mana pihak tidak mematuhi syarat itu dan adakah apa-apa insentif bagi mereka atau badan yang mematuhi dasar ini. Contohnya tax rebate.
23. PN-1243-L13572  
**Tuan Ahmad bin Hussin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan Mahkamah Khas Perlembagaan (Constitutional Court) dan jika tidak, apakah sebabnya.
24. PN-1243-L13795  
**Tuan Saiful Izhah bin Ramli** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah strategi Kerajaan untuk mengurangkan jumlah defisit belanjawan negara yang semakin melebar sejak 13 tahun berturut-turut yang mengakibatkan peningkatan ketara jumlah hutang negara seperti mana yang telah diperakui sendiri dalam Laporan Ekonomi yang telah dibentangkan dalam Oktober 2011 yang lalu serta sejauh manakah kejayaan strategi tersebut, sekiranya ada, berjayakah mencapai sasaran atau matlamat pengurusan berhemat yang ingin dicapai.
25. PN-1243-L13461  
**Puan Hajah Zainun binti A. Bakar** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pelaburan yang telah dan dijangka akan diterima oleh Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dan nyatakan projek-projek yang telah sedang dan akan dilaksanakan.
26. PN-1243-L13597  
**Tuan Ahmad bin Hussin** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-
- (a) apakah kemajuan yang telah dicapai oleh G20 sejak GLC Transformation Programme dilancarkan pada tahun 2004 dari segi Realizable Asset Value (mark-to-market), Net Worth Adjusted (NWA) dan Compounded Annual Growth Rate (CAGR); dan

- (b) berapakah pelaburan dan pinjaman Khazanah Nasional terkini, berapakah dividen tahunan yang telah dibayar kepada Kerajaan dan jumlah peluang pekerjaan yang telah diwujudkan.
27. PN-1243-L13199  
**Dato' Azian bin Osman** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peranan dimainkan 1MDB di dalam pembangunan projek-projek di bawah ETP dan berapakah peratusan hak milik yang akan dipegang Kerajaan menerusi 1MDB di dalam projek-projek tersebut.
28. PN-1243-L13866  
**Datuk Paul Kong Sing Chu** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah kriteria untuk pertimbangan dan kelulusan lesen pembekal khidmat telefon bimbit. Sekarang, terdapat banyak aduan dibuat terhadap pembekal khidmat sedia ada yang memberikan khidmat yang tidak berkualiti dan khidmat yang 'sub-standard'. Adakah terdapat apa-apa kajian pasaran yang telah dilakukan oleh Kementerian untuk mengenal pasti jumlah maksimum pembekal khidmat yang boleh diserap oleh pasaran Malaysia.
29. PN-1243-L13338  
**Dato' Zaitun binti Mat** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sejauh manakah pakatan strategik teknologi hijau antara Malaysia dengan China serta negara lain boleh diwujudkan bagi pembangunan sektor berkenaan khususnya bagi manggalakkan penjanaan tenaga menggunakan tenaga hijau seperti solar dan sebagainya.
30. PN-1243-L13121  
**Puan Norliza binti Abdul Rahim** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah kos perbelanjaan perubatan kepada pesakit "*cardiovascular*" bagi tahun 2008 hingga 2010.
31. PN-1243-L13876  
**Dato Sri Mohd. Effendi bin Norwawi** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah khusus bagi mengimbangi strata pendapatan dan mengurangkan tekanan 'Bottom 40' kerana kita sedia maklum bahawa faktor penting kejayaan mencapai matlamat Model Ekonomi Baru ialah meninggikan pendapatan kumpulan berpendapatan rendah iaitu kumpulan 40% yang berpendapatan terendah di negara kita.
32. PN-1243-L13424  
**Tuan Pau Chiong Ung** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah sebarang perancangan untuk menaik taraf atau mendirikan balai bomba baru di bandar Bintulu atau Kawasan Industri Samalaju ekoran daripada perkembanagan yang pesat.

33. PN-1243-L13481  
**Dato' Dr. Johari bin Mat** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah bilangan Anak Tidak Sah Taraf di Malaysia sehingga kini dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk menyelesaikan masalah BIN dan BINTI kepada anak-anak tersebut supaya tidak timbul masalah psikologi, emosi dan rasa tersisih di dalam masyarakat.
34. PN-1243-L13541  
**Tuan Khoo Soo Seang** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan budaya dan iklim kerja-kerja penyelidikan di institusi-institusi pengajian tinggi di dalam negara.
35. PN-1243-L13629  
**Dr. Syed Husin Ali** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mengapa Kemboja mengeluarkan arahan melarang rakyatnya bekerja sebagai pembantu rumah di Malaysia, bagaimana pula dengan Filipina dan apakah yang sedang dilakukan oleh Kerajaan untuk memperbaiki keadaan ini.
36. PN-1243-L13358  
**Datuk Chin Su Phin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terbaru siasatan SPRM terhadap Michael Chia Tien Foh dalam skandal pengubahan wang haram di Hong Kong pada tahun 2008 dan adakah kes ini masih berjalan atau sudah ditutup.
37. PN-1243-L13715  
**Tuan Boon Som a/l Inong** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan secara terperinci bilangan petani dan peladang keturunan Siam di negara ini yang menjadi ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) mengikut kawasan. Apakah manfaat yang mereka peroleh dengan menjadi ahli PPK dan berapa ramaikah ahli PPK keturunan Siam yang mendapat manfaat daripada pembabitan mereka dalam PPK. Apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kementerian serta agensi-agensinya bagi menyampaikan maklumat mengenai peluang-peluang serta manfaat yang mereka akan peroleh dengan menjadi ahli PPK.
38. PN-1243-L13834  
**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan statistik peminjam sewa-beli kenderaan dan kad kredit yang telah diisytiharkan muflis sejak 2001 hingga 2010 dan langkah-langkah Bank Negara Malaysia bagi mengekang bilangan tersebut terutamanya di kalangan peminjam muda.

39. PN-1243-L13395  
**Tuan Pau Chiong Ung** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:-
- (a) Operasi Sikap 24 telah pun diadakan selama 15 hari menjelang perayaan Hari Raya, tetapi kadar kemalangan jalan raya telah pun mencecah kadar tertinggi dalam sejarah dan mengakibatkan kerugian besar dari segi kehilangan nyawa dan kewangan. Apakah mekanisme yang akan diambil oleh pihak berkaitan untuk meningkatkan keselamatan jalan raya dan mengurangkan kes-kes kemalangan; dan
  - (b) adakah peningkatan ini disebabkan oleh keadaan jalan raya atau kenderaan yang kurang memuaskan ataupun akibat kecuaiannya pengguna jalan raya itu sendiri.
40. PN-1243-L13325  
**Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti telah menyasiat pertukaran saham antara AirAsia dan Malaysia Airlines (MAS) sama ada terdapat unsur dagangan dalaman (insider trading).
41. PN-1243-L13732  
**Tuan Boon Som a/l Inong** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan bilangan koperasi dan yayasan yang ditubuhkan oleh rakyat Malaysia berketurunan Siam. Bagaimanakah status kemajuan koperasi dan yayasan berkenaan dan adakah persatuan, koperasi dan yayasan terbabit diaudit. Apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kementerian bagi membantu memajukan koperasi dan yayasan berkenaan.
42. PN-1243-L13363  
**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membuka sebuah Kolej Akademi Laut Malaysia (ALAM) di Labuan seperti yang diwujudkan di Melaka dalam usaha melahirkan lebih ramai pakar dalam bidang Maritim serta mengisi kekosongan jawatan dalam industri ini oleh anak-anak tempatan.
43. PN-1243-L13034  
**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status penggubalan Akta Guaman Syarie dan Akta Fee dan kaedah mahkamah syariah dan negeri yang telah meluluskan enakmen tersebut, bilakah ia akan dilaksanakan dan bagaimanakah ia mampu mengukuh dan menyeragamkan institusi guaman dan kehakiman syariah di Malaysia.
44. PN-1243-L13660  
**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan industri berasaskan solar di Malaysia.



45. PN-1243-L13265  
**Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada gas pemedih mata yang digunakan oleh Polis Simpanan Persekutuan (FRU) boleh mengakibatkan kecederaan mata, paru-paru dan penyakit kulit ataupun kematian.
46. PN-1243-L13462  
**Puan Hajah Zainun binti A. Bakar** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan setakat manakah kemajuan pelaksanaan Perkhidmatan SMS Sekolah oleh MyPressto bagi Sistem Salah Laku Disiplin Murid (SSDM), Sistem Maklumat Murid (SMM) dan Sistem Maklumat Pengurusan Pendidikan (EMIS) serta nyatakan kesannya bagi mengawal disiplin pelajar termasuk dari segi kehadiran dan latihan pelajar.
47. PN-1243-L13240  
**Tuan Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang telah dibelanjakan mengikut Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) bagi tempoh 10 tahun yang lepas.
48. PN-1243-L13394  
**Dato' Dr. Yeow Chai Thiam** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada dasar Pengajian dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) akan ditukar kepada Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkasakan Bahasa Inggeris (MBMMB) mulai tahun hadapan.
49. PN-1243-L13436  
**Dato' Muhammad Olian b Abdullah** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kawalan yang dilakukan terhadap 'cyber cafe' yang beroperasi di seluruh negara agar tiada unsur-unsur yang boleh merosakkan akhlak masyarakat seperti dijadikan sebagai tempat perjudian.
50. PN-1243-L13578  
**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan adakah pihak Kementerian mengambil kira masalah rumah mayat atau tempat untuk mengendalikan upacara pra pengebumian di pangsapuri kos rendah/PPR/ flat DBKL dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah sedemikian.
51. PN-1243-L13079  
**Puan Hajah Noriah binti Mahat** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah program transformasi Kerajaan ini dilihat berkesan dalam memastikan kita dapat melahirkan minda kelas pertama dan berdaya saing bagi mencapai matlamat negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020 dan bagaimanakah sekiranya kita tidak berjaya mencapai misi tersebut.

52. PN-1243-L13752  
**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan maklumat mengenai "projek-projek rumah terbengkalai" dan bilangan pembeli-pembeli yang terlibat, nilai keseluruhan projek-projek yang terlibat, sebab-sebab pemaju gagal melaksanakan tanggungjawab, bilangan pemaju-pemaju berkenaan. Apakah langkah-langkah Kementerian untuk membantu pembeli-pembeli yang teraniaya akibat keterbengkalaian projek-projek tersebut dan apakah tindakan yang diambil terhadap pemaju-pemaju berkenaan.
53. PN-1243-L13712  
**Tuan Chiew Lian Keng** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jumlah kes-kes jenayah siber yang telah dihadapkan ke mahkamah dan adakah Kementerian bercadang memberi kuasa pendakwaan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).
54. PN-1243-L13117  
**Datuk Maijol bin Mahap** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah status sekolah sukan di Sabah yang telah diwar-warkan hendak dibina oleh Kerajaan.
55. PN-1243-L13564  
**Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dasar dan program dari tahun 2009-2011 dalam memperkasa sosioekonomi masyarakat India di Malaysia.
56. PN-1243-L13203  
**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bila tahap perkhidmatan yang lebih baik terutamanya kepada golongan warga emas akan dinaiktaraf, di mana kita masih mendengar rungutan daripada orang ramai yang menghadapi kesukaran di kebanyakan hospital Kerajaan.
57. PN-1243-L13524  
**Tuan Khoo Soo Seang** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kaedah-kaedah serta langkah-langkah yang diambil oleh SPRM dalam penyiasatan rasuah dan proses soal siasat yang diambil selepas memberkas suspek. Ini kerana rakyat berasa keliru dan takut melibatkan diri dalam penyiasatan SPRM selepas kematian 2 suspek yang dibawa ke ibu pejabat SPRM.
58. PN-1243-L13250  
**Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan butiran dan pencapaian pelaksanaan pasport satu jam di 1Stop Counter di Sarawak.

59. PN-1243-L13222  
**Puan Doris Brodie** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah mekanisme bakal diguna pakai oleh Kementerian dalam penyediaan kaedah pembelajaran yang lebih ceria dan kondusif dalam usaha mengatasi masalah tekanan mental di kalangan para pelajar sekolah sejak kebelakangan ini.
60. PN-1243-L13275  
**Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perbezaan dari segi peranan dan fungsi Organisasi Pembangunan Usahawan (EDOs), Institusi Kewangan Pembangunan (DFIs) dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU).
61. PN-1243-L13172  
**Dr. S. Ramakrishnan** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:-
- (a) statistik pendatang asing yang ditangkap kerana memiliki Kad Pengenalan (MyKad) biru dan pasport Malaysia mengikut negara asal mereka untuk tempoh lima tahun yang lepas; dan
  - (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Imigresen untuk mengelakkan pendatang asing memiliki pasport Malaysia, memandangkan terdapat banyak kes di mana ramai pendatang asing yang ditangkap kerana mempunyai pasport negara ini.
62. PN-1243-L13650  
**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dan akan dilaksanakan bagi menggalakkan inovasi memandangkan aspek tersebut terdapat kelemahan yang mana Malaysia cuma mencapai tangga yang ke 44 mengikut Global Competitiveness Report 2011-2012 yang telah dikeluarkan oleh The World Economic Forum.
63. PN-1243-L13819  
**Tuan Lee Cheam Choon** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan masalah ponteng sekolah di kalangan pelajar sekolah yang semakin menjadi-jadi telah menjadi satu masalah sosial pada masa kini. Apakah langkah-langkah pihak Kementerian untuk mengatasi masalah ini.
64. PN-1243-L13182  
**Dr. S. Ramakrishnan** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik terkini pemilikan harta atau kekayaan negara mengikut kaum dan mengapa Dasar Ekonomi Baru (NEP) tidak mencapai matlamat 30 peratus pegangan kekayaan negara pada tahun 1990.

65. PN-1243-L13139  
**Puan Norliza binti Abdul Rahim** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian bagi mengawal tingkah laku negatif pelajar antarabangsa di semua institusi pengajian tinggi negara.
66. PN-1243-L13124  
**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah benar Kerajaan pernah menandatangani perjanjian dengan Kelab Bola Sepak 'Everton' untuk projek pembangunan bola sepak negara. Jika ya, bagaimanakah perkembangan projek tersebut sekarang.
67. PN-1243-L13427  
**Datuk Hajah Fatimah binti Hamat** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mata pelajaran berkaitan asas vokasional yang akan ditawarkan kepada pelajar terpilih Tingkatan Satu hingga Tiga dan nyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi merealisasikan projek perintis mata pelajaran asas vokasional ini bagi pelajar sekolah menengah berkenaan.
68. PN-1243-L13582  
**Dato' Syed Ibrahim bin Kader** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pemegang kad pengenalan sebagai penduduk tetap dari kalangan masyarakat India Muslim di Malaysia sehingga kini.
69. PN-1243-L13785  
**Tuan Saiful Izham bin Ramli** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-
- (a) apakah langkah-langkah yang sudah dan/atau akan diambil oleh Kerajaan bagi melaksanakan saranan agenda Reformasi Parlimen (*Parliamentary Reform*) sebagaimana yang telah dipersetujui bersama dalam persidangan Persatuan Parlimen Komanwel pada Julai 2011; dan
  - (b) adakah pihak Kerajaan berhasrat untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Khas (*Select Comittee*) bagi memastikan segala saranan yang telah dipersetujui bersama itu dipatuhi dan/atau dilaksanakan.
70. PN-1243-L13583  
**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah rumah kebajikan kanak-kanak/asrama anak yatim (*orphanages*) yang telah berdaftar dengan Kementerian mengikut pecahan bangsa. Apakah syarat-syarat untuk mendaftarkan suatu rumah kebajikan kanak-kanak dan bagaimana bantuan diberi serta jumlah peruntukan yang diberikan pada tahun 2011.

71. PN-1243-L13749  
**Datuk Chiw Tiang Chai** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh manakah konsep kesederhanaan dapat diterima sebagai amalan antarabangsa dan nyatakan sejauh manakah Yayasan Pergerakan Kesederhanaan Global mampu memainkan peranan berkesan di peringkat antarabangsa untuk mempromosikan kesederhanaan dalam amalan antarabangsa.
72. PN-1243-L13547  
**Dato' Syed Ibrahim bin Kader** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dalam Bajet 2012, RM100 juta telah diperuntukkan untuk usahawan muda India. Adakah peruntukan ini termasuk warga India Muslim. Jika ya, berapa peratuskah peruntukan tersebut.
73. PN-1243-L13107  
**Datuk Maijol bin Mahap** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah sumbangan Malaysia terhadap usaha pembanterasannya rasuah antarabangsa melalui undang-undang domestik dan konvensyen antarabangsa seperti Foreign Corrupt Practice Act (FCPA) di Amerika Syarikat dan Bribery Act 2010 di United Kingdom.
74. PN-1243-L13679  
**Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan memandangkan PEMANDU telah mengklasifikasikan semua sekolah mengikut gred, berikan jumlah sekolah yang digredkan ini di negeri Pulau Pinang serta pelan perancangan dan hala tuju sistem ini dan pencapaiannya sehingga kini.
75. PN-1243-L13336  
**Dato' Zaitun binti Mat** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah bagi mewujudkan Akta Murtad bagi membendung gejala murtad di kalangan umat Islam dan menghukum pihak tertentu yang bersalah mengganggu gugat akidah tauhid umat Islam termasuk memurtadkan mereka.
76. PN-1243-L13069  
**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tentang langkah-langkah pemutihan baru-baru ini terutama oleh syarikat-syarikat yang mengendalikannya yang dikatakan kurang memberi keuntungan bahkan membebankan kerana pihak jabatan Imigresen juga dibenarkan membuat pemutihan. Apakah KDN berpuas hati dan yakin dengan angka yang diputihkan dan apakah ada lagi usaha pemutihan untuk yang belum mendaftar.
77. PN-1243-L13675  
**Tuan Baharudin bin Abu Bakar** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan nama produk yang telah memenangi pingat mengikut universiti dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini dan berapa banyak produk yang memenangi pingat ini telah dikomersialkan di dalam atau di luar negara memandangkan pihak universiti kerap melaporkan mereka telah mendapat pingat untuk pameran antarabangsa.

78. PN-1243-L13507  
**Puan Chew Lee Giok** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan memandangkan banjir besar di Thailand akan menjejaskan bekalan beras di negara ini, apakah kaedah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi kekurangan bekalan dan mengawal harga beras daripada naik.

**ATURAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

- |    |                |  |                                   |
|----|----------------|--|-----------------------------------|
| 1. | (D.R. 25/2011) | Rang Undang-undang Perbadanan<br>Pembangunan Kampong Bharu 2011                | <b>Bacaan Kali<br/>Yang Kedua</b> |
|    |                | <b>[ Kementerian Wilayah Persekutuan dan<br/>Kesejahteraan Bandar ]</b>        |                                   |
| 2. | (D.R. 9/2011)  | Rang Undang-undang Peranti Perubatan<br>2011                                   | “                                 |
|    |                | <b>[ Kementerian Kesihatan ]</b>   |                                   |
| 3. | (D.R. 12/2011) | Rang Undang-undang Pihak Berkuasa<br>Peranti Perubatan 2011                    | “                                 |
|    |                | <b>[ Kementerian Kesihatan ]</b>   |                                   |
| 4. | (D.R. 27/2011) | Rang Undang-undang Kediaman Terhad<br>(Pemansuhan) 2011                        | “                                 |
|    |                | <b>[Jabatan Perdana Menteri ]</b>  |                                   |
| 5. | (D.R. 28/2011) | Rang Undang-undang Buang Negeri<br>(Pemansuhan) 2011                           | “                                 |
|    |                | <b>[Jabatan Perdana Menteri ]</b>  |                                   |
| 6. | (D.R. 46/2010) | Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan)<br>2010                                 | “                                 |
|    |                | <b>[ Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,<br/>Koperasi dan Kepenggunaan ]</b> |                                   |
| 7. | (D.R. 13/2011) | Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti<br>Terhad 2011                        | “                                 |
|    |                | <b>[ Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,<br/>Koperasi dan Kepenggunaan ]</b> |                                   |
| 8. | (D.R. 22/2011) | Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan<br>Ikan Malaysia (Pindaan) 2011            | “                                 |
|    |                | <b>[ Kementerian Pertanian dan Industri Asas<br/>Tani ]</b>                    |                                   |
| 9. | (D.R. 21/2011) | Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran<br>Pertanian Persekutuan (Pindaan) 2011   | “                                 |
|    |                | <b>[ Kementerian Pertanian dan Industri Asas<br/>Tani ]</b>                    |                                   |

10. (D.R. 23/2011) Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2011 “  
**[ Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ]**
11. (D.R. 24/2011) Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2011 “  
**[ Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ]**
12. (D.R. 1/2011) Rang Undang-undang Veteran 2011 “  
**[ Kementerian Pertahanan ]**
13. (D.R. 26/2011) Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos 2011 “  
**[ Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan ]**
14. (D.R. 15/2011) Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2011 “  
**[ Kementerian Sumber Manusia ]**
15. (D.R. 29/2011) Rang Undang-undang Perbekalan 2012 “  
**[ Kementerian Kewangan ]**
16. (D.R. 37/2009) Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2009 “  
**[ Kementerian Kewangan ]**
17. PN-1243-U13086  
**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** akan mencadangkan:-  
 "Bahawa Dewan ini mengambil maklum, menyedari dan menginsafi terdapat umat Islam yang murtad semenjak mutakhir ini akibat pengaruh pelbagai kegiatan memurtadkan mereka dan menyedari bahawa :  
 a) Islam adalah Risalah Ilahi yang dengan rahmatNya telah mengangkat bangsa Melayu dan semua bangsa yang lain dengan mesej 'rahmatan lil 'alamin'. Lantaran itu hanya dengan manghayati dan mengamalkan Islam sepenuhnya sahaja merupakan satu-satunya jalan untuk menjamin kemuliaan, keselamatan, kejayaan dan kehormatan bangsa Melayu mahupun mana-mana bangsa yang lain di negara ini.



- b) Asas pegangan umat Islam adalah akidah tauhid yang menjadi tunjang kepada seluruh pegangan hidup umat Islam dan prinsip ini tidak boleh diganggu oleh mana-mana pihak.
- c) Kedudukan istimewa dan status khas agama Islam sebagai agama Persekutuan telah ditetapkan sejak dari kemerdekaan negara ini dan ia wajib dipertahankan oleh setiap warga Muslim dan dihormati oleh semua warga Malaysia.
- d) Penyebaran agama lain daripada Islam kepada orang Islam adalah dilarang sama sekali berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Islam berpendirian tegas terhadap gejala murtad dan permurtadan dianggap jenayah berat yang perlu diperangi habis-habisan.
- e) Pelanggaran terhadap peruntukan ini boleh mengundang kepada tergugatnya keselamatan nasional dan mengundang ketegangan agama di negara ini. Maka saya menyokong sepenuhnya agar :-
  - i) Kerajaan menggubal satu Akta Murtad dengan segera bertujuan membendung gejala yang serius ini.
  - ii) Menyokong sepenuhnya deklarasi 10 perkara yang dibuat oleh Perhimpunan Sejuta Umat: Selamatkan Akidah (Himpun)Antaranya:
    - 1) Menyeru agar semua pihak menghormati dan mendokong peranan Raja-Raja Melayu untuk melaksanakan amanah sebagai ketua dan payung kepada pentadbiran Islam di negara ini seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang tubuh negeri.
    - 2) Kerajaan yang memerintah baik di peringkat Pusat mahupun negeri mestilah memastikan bahawa sensitiviti yang tertinggi dalam negara ini dihormati. Sebarang bentuk pelanggaran termasuk menghina dan mencabar kedudukan Islam hendaklah berdasarkan peruntukan undang-undang yang ada.
    - 3) Menuntut supaya Kerajaan dalam usaha memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) hendaklah memastikan supaya undang-undang pencegahan yang tegas dan kukuh untuk memelihara kemuliaan Islam di dalam Perlembagaan dapat dimasukkan sebagai kandungan utama.
    - 4) Menuntut supaya Kerajaan mengambil langkah segera menggubal undang-undang khusus untuk mencegah dan membendung gejala murtad dan kegiatan memurtadkan umat Islam selaras dengan kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan.

- 5) Menuntut agar sistem pendidikan negara disemak semula untuk memastikan tidak ada unsur yang boleh mendedahkan pelajar kepada penghakisan akidah. Saya menggesa Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi supaya menggubal sistem pendidikan yang berpaksi kepada akidah tauhid dan penerapan akidah yang berkesan kepada pelajar-pelajar.
- 6) Meminta Kerajaan supaya mengadakan program-program penerangan yang menyeluruh dan berkesan di setiap saluran supaya masyarakat berbilang kaum dalam agama di negara kita dapat memahami Islam dan kedudukannya di dalam negara untuk menghilangkan prasangka buruk dan kekeliruan terhadap Islam.
- 7) Menyeru kepada seluruh pertubuhan politik dan bukan politik supaya meletakkan Islam sebagai agenda tertinggi yang utama melebihi kepentingan yang lain serta mengambil sikap yang serius terhadap sebarang usaha untuk mengganggu gugat kesucian Islam.
- 8) Menyeru semua institusi dalam masyarakat terutamanya ibu bapa mengambil tanggungjawab dan tugas dalam mendidik anak-anak dengan kefahaman Islam yang syumul agar dapat membenteng anak dan waris terdekat daripada terjebak di dalam aktiviti pemesongan akidah.
- 9) Menggesa Kerajaan supaya memantau dan mengawal aktiviti pihak media sama ada cetak, elektronik dan media baru. Sebarang bentuk penyiaran dan menyimpan dan menyentuh sensitiviti umat Islam dan keharmonian bernegara perlulah diambil tindakan yang tegas mengikut undang-undang negara.
- 10) Menyeru umat Islam supaya melupakan segala perbezaan fahaman politik dan lain-lain hambatan untuk bersama-sama bersatu menyongsang tugas berat mempertahankan dan menyelamatkan akidah umat dari sebarang bentuk pencerobohan. Kesimpulannya, Kerajaan dan semua pihak yang terlibat perlu bertindak secara serius dan menangani segera kesemua sepuluh deklarası tersebut di samping mencari langkah-langkah penambahbaikan yang lain."

**(Perdana Menteri)**

18. PN-1243-U13088

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan Malaysia berusaha menyelesaikan segala masalah dalaman antara Malaysia dengan negara-negara Asean di Asia Tenggara di dalam semua bidang bagi meningkatkan kemajuan ekonomi, pelajaran, sosial, kebudayaan, agama, perdagangan, persempadanan dan hubungan keselamatan serta persahabatan antara rakyat ASEAN bertujuan memakmurkan dan menyerlahkan kedudukan Asean di mata dunia."

**(Menteri Luar Negeri)**

19. PN-1243-U13090

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan mengambil tindakan yang tegas, dan berani terhadap sebarang usaha mana-mana pihak yang mengganggu-gugat keselamatan negara, ketenteraman awam dan membangkitkan isu-isu sensitif yang bertentangan dengan perlembagaan negara."

**(Perdana Menteri)**

20. PN-1243-U13197

**Dr. S. Ramakrishnan** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan mengubal Undang-undang Kebebasan Maklumat bagi membolehkan rakyat Malaysia menikmati hak untuk mendapatkan maklumat selaras dengan kehendak prinsip-prinsip demokrasi. Hak untuk memeriksa dan membendung penyalahgunaan kuasa oleh kakitangan Kerajaan yang mempunyai implikasi secara langsung dan tidak langsung terhadap rakyat jelata. Oleh itu saya mengambil kesempatan melalui mesyuarat Dewan Negara ini untuk menampilkan usul pengubalan undang-undang bagi tujuan membolehkan rakyat Malaysia untuk mengambil bahagian dalam pentadbiran dan hal-hal Kerajaan terutamanya dalam proses membuat keputusan-keputusan sejajar dengan prinsip demokrasi (participatory democracy) dan kepentingan awam (public interest). Rakyat Malaysia mengalu-alu Kerajaan yang tulus dan bertanggungjawab maka pengubalan undang-undang ini adalah mustahak. Undang-undang ini akan membenarkan akses kepada dokumen-dokumen sesebuah agensi Kerajaan dan dokumen-dokumen rasmi Kementerian Kerajaan. Maka disarankan supaya Kerajaan mengambil serius pengubalan undang-undang ini dan mengambil segala langkah-langkah untuk merealisasikan undang-undang ini di Malaysia yang mana undang-undang begini telahpun diperkenalkan di negara-negara komanwel yang lain."

**(Perdana Menteri)**

21. PN-1243-U13198  
**Dr. S. Ramakrishnan** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan mengubal Undang-undang Perhubungan Kaum (Race Relation Act) bagi menyingkirkan diskriminasi peringkat universiti dan matrikulasi, di dalam proses pengambilan 'tender' Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan. Tujuan utama undang-undang ini adalah untuk mempromosi perhubungan perkauman yang baik dan sihat di antara semua kaum di Malaysia dengan menyingkirkan ketidakseimbangan perkauman dan diskriminasi. Oleh itu, disarankan supaya Kerajaan prihatin dan memandang serius terhadap gejala diskriminasi dan ketidakseimbangan perkauman di dalam sektor-sektor ini. Undang-undang ini boleh dikuasakan dan diberi mandat untuk memastikan bahawa agensi-agensi Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Tempatan, syarikat-syarikat swasta, syarikat-syarikat 'GLC' Kerajaan dan institusi pengajian tinggi tempatan (IPT) memperkenalkan program 'race equality' yang berdasarkan 'merit' di dalam semua aspek pekerjaan terutamanya di dalam aspek pengambilan tenaga kerja dan pengambilan pelajar, promotion, latihan, dan peluang pembelajaran di dalam negeri dan di luar negara. Dalam masa yang sama Kerajaan perlu menubuhkan satu Suruhanjaya Perhubungan Perkauman di bawah undang-undang ini bagi memastikan penguatkuasaan dan implimentasi undang-undang perhubungan perkauman."

**(Perdana Menteri)**

22. PN-1243-U13202  
**Dr. S. Ramakrishnan** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan prihatin dan memandang serius terhadap penyalahgunaan minuman alkohol dan minuman keras di kalangan masyarakat kita, terutama di kalangan remaja bermula dari usia 16 tahun amat membimbangkan dan ia akan membawa padah kepada masa depan negara kita jika kita tidak mengambil tindakan yang sewajarnya secepat mungkin. Oleh itu, saya mengambil kesempatan melalui mesyuarat Dewan Negara ini untuk menampilkan usul pengubalan undang-undang untuk menangani penyalahgunaan alkohol dan minuman keras di kalangan masyarakat kita dengan mengambil langkah-langkah berikut:-

- (i) menubah dan meningkatkan umur seseorang untuk membeli minuman keras dan alkohol secara sah dari segi undang-undang dari 18 tahun ke 21 tahun. Hukuman berat dan denda yang maksimum juga harus dikenakan terhadap sesiapa sahaja yang di bawah umur 21 tahun jika mereka didapati membeli minuman alkohol dan minuman keras.

- (ii) memperkenalkan sistem lesen baru yang mengawal waktu penjualan alkohol dan minuman keras. Contohnya seperti mengehadkan waktu penjualan dari 11.00 pagi sehingga pukul 9.00 malam.
- (iii) mempunyai undang-undang untuk menangani masalah-masalah pengambilan minuman-minuman keras dan alkohol di tempat awam dan menjadikan pengambilan minuman ini di tempat awam sebagai satu jenayah di mana boleh ditangkap dan didakwa di bawah kanun undang-undang.
- (iv) memperketatkan lagi kanun undang-undang yang mengawal penjualan alkohol dan minuman keras oleh peniaga-peniaga kepada remaja dan juga pelajar-pelajar di bawah umur. Contohnya, apabila mana-mana peniaga menjual alkohol dan minuman keras kepada pelajar-pelajar dan remaja di bawah umur, lesen kedai peniaga itu haruslah ditarik dan dibatalkan dan mengenakan denda yang maksimum terhadap peniaga tersebut.
- (v) memperkenalkan undang-undang baru untuk pendaftaran dan mengawal penjualan minuman-minuman keras buatan tempatan. Contohnya seperti samsu dan ia mendapat sambutan baik di kalangan masyarakat berpendapatan rendah, terutamanya di kalangan masyarakat India yang tinggi di estet, kerana harga minuman ini adalah sangat murah dan mudah didapati di kawasan pedalaman secara haram.
- (vi) menubuhkan satu pusat pencegahan, penyelidikan, dan pemulihan alkohol Malaysia seperti di Amerika Syarikat dan Australia untuk mengadakan penyelidikan dari semasa ke semasa."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

23. PN-1243-U13614

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat usulan untuk mempertimbangkan kelulusan pinjaman pelajaran dari PTPTN bagi pelajar cemerlang, iaitu pelajar-pelajar yang mendapat tidak kurang daripada 7A di dalam SPM untuk menuntut kursus profesional seperti ACCA di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Kelulusan pinjaman pelajaran dari PTPTN bagi kursus profesional sedemikian akan menunjukkan bahawa Kerajaan tidak menjejaskan cita-cita pelajar cemerlang dan akan membuka satu lagi jalan baru untuk golongan ini bagi pencapaian taraf pendidikan yang tinggi dan diiktiraf di kalangan bidang profesional sedunia."

**(Menteri Pengajian Tinggi)**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN NEGARA)**

<b><u>TAHUN 2011</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST.42	Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2010	7 Disember 2011
CMD.7	Laporan Ekonomi 2011 / 2012 Economic Report 2011 / 2012	7 Disember 2011
CMD.8	Penyata Daripada Kementerian Kewangan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2012	7 Disember 2011
CMD.9	Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2012.	7 Disember 2011
CMD.10	Senarai Perjawatan Di Kementerian-Kementerian dan Jabatan - Jabatan dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2011. i) Jilid 1 ii) Jilid 2 iii) Jilid 3 iv) Jilid 4 v) Jilid 5	7 Disember 2011
CMD.11	Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2012.	7 Disember 2011
CMD.12	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan / Agensi Negeri <b>Johor</b> Tahun 2010	7 Disember 2011
CMD.13	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan / Agensi Negeri <b>Kedah</b> Tahun 2010	7 Disember 2011
CMD.14	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan / Agensi Negeri <b>Kelantan</b> Tahun 2010	7 Disember 2011

<u>TAHUN</u> <u>2011</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
CMD.15	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan / Agensi Negeri <b>Melaka</b> Tahun 2010	7 Disember 2011
CMD.16	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan / Agensi Negeri <b>Sembilan</b> Tahun 2010	7 Disember 2011
CMD.17	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan / Agensi Negeri <b>Pahang</b> Tahun 2010	7 Disember 2011
CMD.18	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan / Agensi Negeri <b>Perak</b> Tahun 2010	7 Disember 2011
CMD.19	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan / Agensi Negeri <b>Perlis</b> Tahun 2010	7 Disember 2011
CMD.20	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan / Agensi Negeri <b>Pulau Pinang</b> Tahun 2010	7 Disember 2011
CMD.21	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan / Agensi Negeri <b>Sabah</b> Tahun 2010.	7 Disember 2011
CMD.22	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan / Agensi Negeri <b>Sarawak</b> Tahun 2010	7 Disember 2011

<u>TAHUN</u> <u>2011</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
CMD.23	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan / Agensi Negeri <b>Selangor</b> Tahun 2010	7 Disember 2011
CMD.24	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan / Agensi Negeri <b>Terengganu</b> Tahun 2010	7 Disember 2011
CMD.25	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri <b>Johor</b> Tahun 2010	7 Disember 2011
CMD.26	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri <b>Kedah</b> Tahun 2010	7 Disember 2011
CMD.27	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri <b>Kelantan</b> Tahun 2010.	7 Disember 2011
CMD.28	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri <b>Melaka</b> Tahun 2010	7 Disember 2011
CMD.29	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan <b>Negeri Sembilan</b> Tahun 2010	7 Disember 2011
CMD.30	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri <b>Pahang</b> Tahun 2010	7 Disember 2011
CMD.31	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri <b>Perak</b> Tahun 2010	7 Disember 2011



<u>TAHUN</u> <u>2011</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
CMD.32	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri <b>Perlis</b> Tahun 2010	7 Disember 2011
CMD.33	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri <b>Pulau Pinang</b> Tahun 2010	7 Disember 2011
CMD.34	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri <b>Sabah</b> Tahun 2010	7 Disember 2011
CMD.35	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri <b>Sarawak</b> Tahun 2010	7 Disember 2011
CMD.36	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri <b>Selangor</b> Tahun 2010	7 Disember 2011
CMD.37	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri <b>Terengganu</b> Tahun 2010	7 Disember 2011
CMD.38	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010 -Penyata Kewangan dan Pengurusan Kewangan Kementerian / Jabatan Kerajaan Persekutuan.	7 Disember 2011
CMD.39	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010 -Aktiviti Kementerian / Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan.	7 Disember 2011
CMD.40	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010 -Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Serta Pengurusan Syarikat/Subsidiari Badan Berkanun Persekutuan.	7 Disember 2011

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2011</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
CMD.41	Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian / Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2010	7 Disember 2011
CMD.42	Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Badan Berkanun Serta Syarikat Subsidiari Persekutuan Bagi Tahun 2010	7 Disember 2011